

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1151259/malaysia-sasar-kedudukan-ke-25-teratas-hdi-dalam-10-tahun>

### **Malaysia sasar kedudukan ke-25 teratas HDI dalam 10 tahun**



Gambar hiasan - NSTP / FAIZ ANUAR

KUALA LUMPUR: Malaysia meletak sasaran untuk mencapai kedudukan ke-25 teratas dalam Indeks Pembangunan Manusia (HDI) bagi tempoh 10 tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia ketika ini berada di tangga ke-62 HDI daripada keseluruhan 191 negara.

"Nikmat kemajuan ekonomi yang dikecapi kini turut dapat dirasai oleh rakyat seperti yang terpapar pada petunjuk peringkat global dan domestik.

"Malaysia berhasil mencatat pencapaian yang memberangsangkan dalam pembangunan manusia berdasarkan HDI 2021 di tangga ke-62 daripada 191 negara.

"Kita menyasarkan kedudukan ke-25 teratas buat Malaysia dalam masa 10 tahun," katanya ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) di Dewan Rakyat, hari ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pada peringkat domestik, Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia yang mengukur tahap kesejahteraan ekonomi dan sosial rakyat telah meningkat sebanyak 1.3 peratus setahun.

"Pendapatan rakyat juga telah bertambah baik. Pendapatan purata bulanan isi rumah meningkat kepada RM8,479 pada 2022 berbanding RM7,901 pada 2019," katanya